

## **MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB**

Urusetia Lembaga Tatatertib telah mengadakan 4 kali mesyuarat Lembaga Tatatertib pada tahun 2017 yang melibatkan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 (LTTKS No. 1) dan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 (LTTKS No. 2) dengan 13 kertas tatatertib diperakukan. Pecahan kertas tatatertib mengikut lembaga adalah seperti berikut;

a) LTTKS No. 1 dengan keputusan seperti berikut:

- i. Tahan Kerja x 2 kes
- ii. Buang Kerja x 3 kes
- iii. Tahan Kerja Diberhentikan x 2 kes
- iv. Tangguh Pergerakan Gaji bagi tempoh enam (6) bulan x 1 kes

b) LTTKS No. 2 dengan keputusan seperti berikut:

- i. Tidak bersalah x 1 kes
- ii. Amaran dan Tangguh pergerakan gaji selama enam (6) bulan x 1 kes
- iii. Tangguh pergerakan gaji bagi tempoh enam (6) bulan x 1 kes

Diantara kesalahan/kes yang sering berlaku adalah;

- a. Kes Tidak Hadir Bertugas
- b. Kes Mahkamah;
  - i. Ditangkap dan dituduh atas kesalahan dalam kawalan dadah
  - ii. Kes Jenayah dibawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan 427 Kanun Keseksaan
  - iii. Kesalahan dibawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
- c. Kes Surcaj
- d. Kes mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu